

KERATAN AKHBAR

JUDUL : Bernama Online

TARIKH : Sabtu, 26 Mac 2016

Terdapat 1,124 Perpustakaan Desa Di Seluruh Negara - Mohamed Nazri

SANDAKAN, 26 Mac (Bernama) -- Terdapat 1,124 perpustakaan desa di seluruh negara bagi menyediakan perkhidmatan maklumat terus kepada masyarakat di luar bandar, kata Menteri Pelancongan dan Kebudayaan Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz.

Beliau berkata daripada jumlah itu, 614 perpustakaan di bawah urus tadbir Perpustakaan Negeri dan 510 oleh Perpustakaan Negara.

"Secara tidak langsung rakyat akan dapat meningkatkan tahap sosio ekonomi. Pelbagai peluang pekerjaan akan dapat diwujudkan dengan peningkatan ilmu pengetahuan yang ada dalam diri masyarakat," katanya pada majlis bersempena lawatan rasminya ke Perpustakaan Desa Kampung Batu Putih dekat sini, hari ini.

Mohamed Nazri berkata terdapat 125 perpustakaan desa di Sabah dengan 51 di bawah urus tadbir Perpustakaan Negara dan 74 lagi ditadbir Perpustakaan Negeri Sabah.

Menurutnya di daerah ini terdapat dua perpustakaan desa dengan sebuah lagi terdapat di Kampung Gum-Gum.

Beliau turut mengumumkan peruntukan kementeriannya berjumlah RM35,000 bagi tujuan penyelenggaraan bangunan perpustakaan desa Kampung Batu Putih.

Mohamed Nazri berkata untuk menawarkan perkhidmatan perpustakaan yang terbaik kepada masyarakat di kampung itu, aspek keselesaan perlu dinilai tambah agar penduduk akan lebih kerap datang ke perpustakaan.

-- BERNAMA